

28 JUL 1997

Mahathir-Penerbangan

DR MAHATHIR MAHU INDUSTRI PENERBANGAN PUPUK BUDAYA PENYENGGARAAN

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mahu pengusaha industri dan kelab penerbangan di negara ini membentuk budaya penyenggaraan di semua peringkat bagi menjamin keselamatan pengguna dan pelaburan yang besar.

Perdana Menteri berkata, pesawat terbang amat memerlukan penyenggaraan yang rapi, terutama dalam aspek mekanikal, agar tidak berlaku kerosakan yang berakhir dengan nahas.

"Pesawat terbang ialah jenis kenderaan yang tidak begitu 'forgiving'. Kalau kita tidak tahu selenggara dan kendali dengan teliti ia akan terlibat dalam kemalangan," katanya ketika melancarkan serentak tiga program yang berkaitan dengan penerbangan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi, di sini.

Program-program itu ialah "The Great Malaysian Air Rally", Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia-Rakan Muda dan homepage Muzium TUDM.

Beliau yang menyambut baik perkembangan industri itu dan pertumbuhan kelab-kelab penerbangan di negara ini berkata, kos yang besar dan nyawa yang tidak ternilai harganya hendaklah sentiasa diberi pertimbangan yang serius dalam keghairahan mereka bergiat aktif dalam bidang itu.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang besar untuk membeli pesawat MiG-29 dan F/A-18D Hornet bagi memperlengkapkan TUDM dengan pesawat-pesawat pejuang yang canggih.

Bagaimanapun, beliau berkata, jika budaya penyenggaraan yang halus tidak diamalkan oleh TUDM, bukan sahaja kos yang besar itu merugikan malahan nyawa juruterbang turut terancam.

"Pesawat-pesawat ini mahal. Kita tidak mampu beli banyak. Kalau tak selenggara dengan baik ia akan lapuk. Bila berlaku sesuatu, ia akan ragut nyawa dan merugikan pelaburan," katanya.

Dr Mahathir kemudiannya menarik perhatian para hadirin pada majlis itu, termasuk pegawai-pegawai tinggi TUDM, mengenai pengalaman beliau ketika mendarat di sebuah lapangan terbang Tentera Udara Diraja Britain baru-baru ini.

Beliau begitu kagum melihat beberapa pesawat yang digunakan tentera British semasa Perang Dunia Kedua dan pesawat-pesawat yang dibina sekitar tahun-tahun 1950-an dan 1960-an masih berada dalam keadaan baik serta boleh digunakan untuk tempoh beberapa tahun lagi, katanya.

"Bagi kita, kita anggap kapalterbang-kapalterbang itu dah buruk dan patut masuk dalam bakul sampah. Kapalterbang kita yang barupun kita sudah anggap buruk," kata beliau.

"Kapalterbang mereka boleh terbang lama sebab mereka tahu menyelenggara bahagian-bahagian mekanikal. Oleh itu, saya harap aspek penyenggaraan dapat kita serapkan di kalangan rakyat Malaysia yang berminat dalam penerbangan," katanya.

Dr Mahathir berkata, keupayaan Malaysia membentuk budaya penyenggaraan dalam industri itu sudah pasti akan mempertingkatkan lagi pencapaian negara dalam bidang penerbangan.

Pada majlis itu, Perdana Menteri melancarkan pesawat ringan pertama di bawah Program Pembangunan Rekreasi Udara Rakan Muda dan melepaskan 20 pesawat ringan dari pelbagai negara yang menyertai "The Great Malaysian Air Rally" yang akan berlangsung selama lapan hari.

Rali udara sempena konvensyen dan pameran "Langkawi Fly-In Oshkosh East" dari 4 hingga 8 Ogos ini akan berakhir di Langkawi pada 4 Ogos

selepas singgah di Melaka, Kuala Terengganu, Ipoh dan Alor Setar.

Dr Mahathir kemudiannya melawat Muzium TUDM yang dibuka pada 1985 dan melancarkan Homepage muzium itu, Laman Web pertama yang diusahakan oleh sebuah muzium di negara ini. -- BERNAMA.

AH PR